

Terengganu jadi tumpuan tokoh kaligrafi dunia

KUALA TERENGGANU 5 Dis. - Terengganu menjadi tumpuan para penggiat seni khat dari serata dunia selain tujuh tokoh kaligrafi terkemuka bagi mengadili pertandingan khat sempena Festival Seni Islam Antarabangsa Terengganu (TIIAF) 2014 yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini di Taman Tamadun Islam (TTI) di sini.

Tujuh tokoh hebat dunia dalam kesenian Islam itu ialah Dawood Bektas dari Turki, Adnan Sheikh Osman (Syria), Ferhad Kurlu (Turki), Efdaluddin Kilik (Turki), Ziyad Al-Muhandis (Iraq), Shreen Abd. Halem (Mesir) dan Mumtaz Durdu (Turki).

Festival kali ketiga anjuran TTI Management Sdn. Bhd. dengan kerjasama kerajaan negeri dirasmikan oleh Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Mohd. Zubir Embong manakala majlis penutup dijadual disempurnakan oleh Menteri Besar, Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman, Ahad ini.

Festival berprestij itu disertai para peserta dari luar negara antaranya Afghanistan, Algeria, Brunei, Indonesia, Iraq, Jordan,

Mesir, Pakistan, Palestine, Syria, Turki dan Malaysia selaku tuan rumah sekali gus meletakkan negara dan Terengganu khususnya selaku penganjur pertandingan khat bertaraf dunia.

Pertandingan terbahagi kepada dua kategori utama iaitu kebangsaan dan antarabangsa di mana di bawah kategori kebangsaan pula dibahagikan kepada dua iaitu karya siap dan spontan.

Yang turut hadir pada majlis perasmian itu ialah Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan negeri, Datuk Mohd. Jidin Shafee; Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Inovasi dan Tugas-tugas Khas negeri, Ghazali Taib dan Pengerusi TTI Management Sdn. Bhd., Datuk Zuber Embong.

Dalam pada itu, Mohd. Zubir berkata, usaha menganjurkan festival dan pertandingan khat serta seni kaligrafi seumpama itu perlu dipertingkatkan dengan sokongan penubuhan Institut Kaligrafi Islam Antarabangsa (IKIA) yang telah mendapat kelulusan kerajaan Terengganu.

Berucap pada majlis itu, jelas beliau, perkembangan itu mampu meletakkan Malaysia dan Terengganu di peringkat dunia sebagai pusat melahirkan lebih ramai bakat-bakat baharu dalam seni khat dan kaligrafi Islam.

"Pihak Taman Tamadun Islam perlu meningkatkan usaha bertenaran dan kolaborasi dengan pihak Ircica (*Research Center For Islamic History, Arts and Culture*) bagi memastikan golongan muda diberi peluang menerima pendedahan dan pembelajaran melalui tunjuk ajar pihak Ircica ini," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau turut menyarankan supaya pertandingan khat diadakan dengan kerjasama TTI, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu dan Persatuan Khat Negeri Terengganu selain dibantu Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Institut Al-Quran Terengganu (IQ).

Menurutnya, usaha itu perlu diselaraskan menerusi gandingan pihak-pihak berkenaan bagi memastikan kesinambungan bakat sedia ada teguh bertapak di Terengganu.